

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]**

**TARIKH : 21.3.2016**

**SOALAN :**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan sama ada Kerajaan akan mengotakan janji kepada yang dibuat oleh bekas Timbalan Perdana Menteri (Pagoh) untuk memberi derma RM4 juta kepada SJKC Chung Hua di Kota Kemuning. Apakah peruntukan tersebut akan dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan ataupun Jabatan Perdana Menteri.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan peruntukan projek pembinaan SJK (C) Chung Hua Klang, Selangor telah diluluskan oleh mantan YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan pada tahun 2014. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) belum menyalurkan peruntukan projek sekolah tersebut memandangkan sekolah masih dalam proses mengemukakan dokumen lengkap yang membolehkan pembayaran dibuat mengikut prosedur kewangan semasa.